

# Hapus undang-undang media boleh wujud anarki

Oleh NIZAM YATIM  
dan ROHANI IBRAHIM

**KUALA LUMPUR** 1 Jun - Desakan pengamal media supaya undang-undang yang mengawal mereka dimansuhkan boleh menyebabkan negara berada dalam anarki apabila semua pihak boleh melaporkan apa sahaja sehingga menimbulkan kekacauan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Zaid Ibrahim (**gambar**) berkata, situasi seperti itu boleh berlaku kerana syor supaya dihapuskan undang-undang berkenaan sehingga kini tidak disertakan dengan cadangan supaya diwujudkan mekanisme alternatif bagi memantau pihak media.

Beliau berkata, permintaan supaya dihapuskan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak serta Akta Rahsia Rasmi itu juga tidak mendapat perhatian kerajaan berikutan ia hanya dibuat wartawan dan bukannya pengarang-pengarang kanan syarikat media.

"Pihak media perlu bersatu terlebih dahulu dan kemudian baru boleh mengemukakan sebarang cadangan dan anda perlu tahu bahawa saya berpendapat tidak wajar diberikan kebebasan mutlak kepada media," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada

U.M 02/06/08 MS 7  
sesi dialog Perbincangan Mengenai Kebebasan Media anjuran Kelab Media Kebangsaan (NPC), Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJM) dan Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden NPC, Mokhtar Husain, Presiden NUJM, Norila Daud dan lebih 100 hadirin yang terdiri daripada wartawan dan penulis blog.

Kira-kira 50 wartawan turut mengikuti acara berjalan untuk kebebasan media dari NPC di Jalan Tangsi di sini ke Dataran Merdeka sejauh 300 meter sejurus selepas majlis tamat kira-kira pukul 11.30 pagi walaupun polis tidak mengeluarkan permit atas sebab keselamatan.

Dalam pada itu, Zaid memberitahu, beliau tidak dapat memberikan sebarang komitmen terhadap cadangan supaya diwujudkan Jawatankuasa Pemilihan Parlimen bagi mengkaji kemungkinan meminda atau menghapuskan undang-undang yang dianggap mengongkong media.

"Saya perlu melihat cadangan lengkap daripada wakil pengamal media terlebih dahulu termasuk terma rujukan sebelum menyatakan sokongan," ujarnya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Zaid berkata, beliau menyedari terdapat di kalangan hadirin

yang tidak berpuas hati dengan jawapan beliau ketika sesi dialog berkenaan yang banyak mengkritik mereka.

Beliau menegaskan, kehadirannya pada sesi itu bukan bererti bersetuju atau tidak dengan desakan itu sebaliknya kerana tugasnya sebagai seorang menteri yang harus mendengar pandangan semua pihak.

"Saya menjangka yang terburuk, tetapi hari ini tidak teruk sangat (hanya disorak oleh hadirin). Mereka juga menjemput orang yang salah kerana menteri lain sebenarnya bertanggungjawab terhadap undang-undang berkenaan.

"Pengamal media harus menggunakan saluran betul untuk mendesak dan jangan bertindak semata-mata untuk membangkang kerana kerajaan sekarang lebih bersikap terbuka untuk melakukan perubahan," ujarnya.

Sementara itu, Norila yang diminta mengulas kenyataan Zaid itu berkata, pihaknya akan mengadakan seminar bagi membincangkan cadangan menghapuskan undang-undang terbahit yang bakal dihadiri pengarang kanan dan pembuat dasar dari syarikat-syarikat media.

"Kita juga akan melibatkan ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam).

"Langkah ini akan membolehkan resolusi yang dibuat oleh seminar ini akan bersifat lebih seimbang dan menyeluruh melibatkan semua peringkat masyarakat," ujarnya.

